

## **AMALAN-AMALAN DAKWAH DALAM PENGUBATAN ISLAM RUQYAH SYARIYYAH KEPADA SAUDARA BARU ORANG ASLI**

### **DAKWAH PRACTICES IN ISLAMIC TREATMENT OF RUQYAH SYARIYYAH AMONG ORANG ASLI MUSLIM CONVERTS**

Mohamad Haslan Mokhtar<sup>1</sup>, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah<sup>2\*</sup>, Syarul Azman Shahrudin<sup>3</sup> & Zulkefli Aini<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Calon PhD Islamiyyat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor; [mhaslanm@gmail.com](mailto:mhaslanm@gmail.com).

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor; [yusufmarlon@kuis.edu.my](mailto:yusufmarlon@kuis.edu.my)

<sup>3</sup> Prof. Madya, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor; [syarulazman@kuis.edu.my](mailto:syarulazman@kuis.edu.my)

<sup>4</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Islam, UKM; [zulaini@ukm.edu.my](mailto:zulaini@ukm.edu.my)

\* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 8 Sept 2023

Selepas Pembetulan: 16 Nov 2023

Diterima untuk terbit: 17 Nov 2023

#### **ABSTRAK**

Perubatan Islam merupakan salah satu daripada amalan dakwah yang boleh dijalankan kepada masyarakat Orang Asli di semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun terdapat beberapa isu utama yang dibincangkan berkaitan amalan pengubatan dan rawatan ialah masyarakat Orang Asli yang mendapatkan khidmat rawatan dalam kalangan Tok Bomoh yang beramal dengan amalan dan perbuatan syirik seperti perawat yang menggunakan khidmat jin dan amalan yang ada unsur sihir. Melalui amalan ini dapat diterapkan bacaan ayat-ayat Al-Quran, doa dan ruqyah sebagai asas kepada penerapan Islam dalam kalangan masyarakat Orang Asli disebabkan masyarakat ini juga masih kuat berpegang amalan rawatan tradisional. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji amalan-amalan dakwah melalui pengubatan Islam *ruqyah syariyyah* kepada saudara baru Orang Asli di Selangor. Kajian ini menjalankan metodologi kualitatif iaitu temu bual bersama lima orang yang terlibat secara langsung dengan perubatan Islam dan disokong dengan data kuantitatif sebagai dengan melibatkan 94 orang responden. Dapatan hasil kajian menunjukkan bahawa amalan-amalan dakwah dalam pengubatan Islam ruqyah syariyyah kepada saudara baru Orang Asli ialah menjadi platform kepada praktikal dakwah, kaunseling secara tidak langsung, penjelasan mengenai perubatan Islam, kebajikan kepada masyarakat Orang Asli dan motivasi bahkan pesakit turut mendapat kata-kata nasihat supaya sentiasa bersabar dengan ujian hidup. Implikasi daripada kajian ini adalah amalan perubatan Islam sudah diterima dalam kalangan pesakit sehingga mendapat tempat dalam hati masyarakat Orang Asli.

#### **Kata kunci**

*Amalan-amalan dakwah, pengubatan Islam ruqyah syariyyah, saudara baru, orang asli*

#### **ABSTRACT**

Islamic treatment can be one of the da'wah practices that can be carried out to the Orang Asli community in peninsular Malaysia. Through this practice, the recitation of Al-Quran verses, prayer

and *ruqyah* can be applied as a basis for the application of Islam among the Orang Asli. It is because this community still strongly adheres to traditional treatment practices. The objective of this study is to study da'wah practices through Islamic treatment through *ruqyah syariyyah* to the Orang Asli new reverts Muslim in Selangor. This study carried out a qualitative methodology which is focused on interview with five informants who are directly involved in Islamic treatment and is supported by quantitative data by involving 94 respondents. The results of the study show that the preaching practices in Islamic treatment *ruqyah syariyyah* to the Muslim newly reverts from Orang Asli society is a platform for the practice of preaching, indirect counselling, explanations about Islamic treatment, welfare to the Orang Asli community and motivation even the patients also get advice from the practisers. The implication of this study is that the practice of Islamic treatment has been accepted among patients and has gained a place in the hearts of the Orang Asli community.

### **Keywords**

*Da'wah practices, Islamic treatment ruqyah syariyyah, muslim reverts, orang asli*

## **1.0 Pengenalan**

Islam dan dakwah merupakan satu revolusi yang seiring menuju destinasi yang sama dan dakwah merupakan sebahagian daripada Islam yang tidak dapat dipisahkan. Simbiosis yang kukuh antara Islam dan dakwah membuka satu penelitian dan panduan yang berguna kepada semua pihak yang terlibat dalam medan dakwah (Badlihisam, 2012). Kemunculan gerakan dan pertubuhan dakwah Islamiah telah merencanakan lagi usaha dakwah di Malaysia. Namun begitu, kuantiti belum pasti dapat menjamin kualiti pendakwah dan organisasi dakwah (Izzaty Ulya & Zainab Ismail, 2018). Justeru, kesatuan di kalangan pertubuhan dakwah yang ada sangat penting dalam usaha untuk memperkasakan lagi dakwah Islamiah kepada seluruh lapisan masyarakat amnya dan masyarakat Orang Asli khususnya. Atas dasar inilah, pengkaji memilih penguabatan Islam *ruqyah syariyyah* sebagai salah satu medium untuk berdakwah kepada masyarakat Orang Asli menerusi pengaplikasian rawatan yang patuh syariah. Ini kerana sumbangan dakwah yang wujud melalui medium ini tidak dapat dinafikan. Menurut Atsco Abdul Rahman (2019), melalui penguabatan Islam *ruqyah syariyyah* pengaplikasian dakwah *bi al-hal* dapat dilakukan kerana dalam metode dakwah *ruqyah*, tidak ada unsur paksaan dan keberatan untuk melakukannya. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan cuba mengkaji amalan dakwah yang terdapat dalam penguabatan Islam untuk disebar luas sebagai wasilah dakwah pada masa kini.

## **2.0 Penghayatan Saudara Baru Orang Asli Terhadap Islam**

Abdul Ghafar Don (2014) telah menjalankan kajian dalam konteks untuk memahami realiti sebenar tahap kefahaman dan penghayatan agama Orang Asli Muslim. Melalui pengalaman beliau sendiri dan juga maklum balas daripada mereka yang bertugas di agensi agama sama ada di peringkat negeri mahu pun pusat seperti Majlis Agama Islam (MAIS) dan juga Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta mereka yang terlibat secara langsung dengan masyarakat Orang Asli dari NGO dakwah seperti Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dan juga Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) mendapati bahawa, tahap kefahaman dan penghayatan Islam Orang Asli Muslim secara umumnya masih lemah. Dapatan kajian beliau menunjukkan program dakwah dan program penghayatan Islam yang dilaksanakan oleh institusi dakwah kerajaan dan NGO

masih tidak dapat memberi impak yang diharapkan dalam meningkatkan kualiti hidup Orang Asli Muslim. Disebabkan tahap kefahaman yang minima, golongan ini tidak mampu melaksanakan amal Islami yang meliputi asas-asas ajaran Islam seperti akidah, ibadah dan akhlak secara sempurna. Isu-isu berkaitan akidah seringkali menjadi topik utama dalam usaha pemantapan Islam kepada golongan ini. Walaupun golongan ini telah memeluk Islam tetapi kepercayaan mereka masih bercampur aduk dengan aspek animisme dan juga supernatural. Disebabkan inilah, mereka masih berpegang kuat dengan mempercayai bomoh, pawang atau dukun bagi merawat penyakit. Adapun dari aspek ibadah pula menurut beliau masih terdapat Orang Asli Muslim yang mengabaikan kewajipan bersolat dan berpuasa. Kehadiran mereka ke surau atau dewan solat secara beramai-ramai hanya berlaku apabila ada upacara rasmi atau program besar dilakukan di perkampungan mereka seperti sambutan Maulidur Rasul, Maal Hijrah, Ibadah Korban dan sebagainya. Tambah beliau lagi, bagi memberi impak yang lebih dan pengaruh terhadap kehidupan beragama, maka kualiti hidup masyarakat Orang Asli Muslim perlu dipertingkatkan lagi terutamanya dalam aspek sosial, pendidikan dan ekonomi.

Razaleigh Muhamat @ Kawangit (2012) juga telah menjalankan kajian berkaitan dengan penghayatan Islam saudara baru Orang Asli. Kajian ini berdasarkan kepada soal selidik yang diedarkan kepada 28 orang responden dan juga temu bual bersama Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA). Soal selidik yang dijalankan terdiri daripada 4 bahagian iaitu, bahagian A berkisar latar belakang, bahagian B berkaitan dengan kefahaman terhadap konsep Islam, bahagian C berkaitan dengan cabaran dan masalah selepas responden memeluk Islam dan bahagian D berkenaan dengan bimbingan dari pihak lain selepas mereka memeluk Islam. Antara isu yang berbangkit dalam kalangan Orang Asli Muslim ialah berkaitan dengan pegangan animisme yang masih bertapak di dalam hati mereka. Kepercayaan masyarakat Orang Asli ini lebih ketara terhadap kewujudan 'makhluk-makhluk halus' seperti hantu, syaitan dan penunggu. Makhluk-makhluk ini dipercayai boleh mendatangkan bencana dan pelbagai penyakit. Oleh itu, mereka mempercayai dan meyakini 'tangkal azimat' boleh melindungi mereka dari kejahatan makhluk tersebut. Berdasarkan kesimpulan yang dibuat oleh beliau, jelas menunjukkan bahawa wujudnya perkembangan positif terhadap nilai-nilai Islam di kalangan saudara baru Orang Asli tersebut. Namun apa yang menyedihkan bagi beliau ialah, golongan ini hanya memahami sahaja apa itu nilai-nilai Islam sedangkan dari segi pengamalan masih lagi tidak memuaskan. Kesedaran tentang peri pentingnya tuntutan ajaran Islam seperti solat, puasa dan ibadah-ibadah lain dalam kehidupan seharian masih lagi berada pada tahap tidak memuaskan. Cadangan beliau supaya satu metode dakwah yang sesuai supaya masyarakat Orang Asli Muslim ini dapat menerima perubahan dengan keadaan selesa mengikut situasi mereka.

Zulkefli Aini, et. al. (2018), telah menjalankan kajiannya iaitu menganalisis topik-topik berkaitan akidah dan syariah dalam pengetahuan Orang Asli Muslim yang dibincangkan bersama pendakwah dalam konteks komunikasi dakwah mereka. Maklumat dikumpul berdasarkan temubual yang mendalam bersama sembilan orang pendakwah yang aktif berdakwah kepada masyarakat Orang Asli di Selangor. Menurutnya lagi, kajian mengenai pengetahuan agama Islam dalam kalangan Orang Asli Muslim sangat penting bagi mengetahui tahap kefahaman serta penghayatan mereka terhadap agama Islam. Asas akidah dan ibadah merupakan teras yang wajib diketahui oleh golongan ini untuk mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Hasil kajian mendapati, persoalan yang berkaitan dengan akidah seringkali ditanya kepada pendakwah. Ianya meliputi persoalan kepercayaan kepada Allah, kepercayaan kepada hari akhirat dan kepercayaan kepada qada` dan qadar. Manakala isu yang berkaitan

dengan syariah ialah topik yang bersangkutan paut dengan fekah, iaitu bersuci, solat, puasa, zakat dan haji. Terdapat juga persoalan yang timbul berkaitan dengan muamalah dan juga munakahat. Dua topik ini wajar diberi perhatian ketika berdakwah kepada golongan Orang Asli Muslim. Ini kerana di dalam aspek akidah dan syariah, keduanya merupakan suatu ikatan yang saling bertaut antara satu sama lain. Pendekatan dakwah yang menjurus kepada topik ibadah dan syariah wajar difikirkan oleh para pendakwah sebagai pemangkin budaya dakwah berkesan di masa akan datang.

Berdasarkan sorotan literatur yang telah dibuat mengenai kajian di atas, ulasan yang boleh dibuat ialah, peningkatan kualiti hidup yang berteraskan ajaran Islam sesuatu yang amat penting dijalani oleh setiap individu Muslim, terutamanya dari kalangan mereka yang baru memeluk agama Islam yang disebut sebagai saudara baru. Ini supaya mereka boleh membiasakan atau menyesuaikan diri dengan segala peraturan Islam yang merupakan ajaran baru yang jauh berbeza dengan tradisi dan segala aturan yang ada dalam agama lamanya. Sekiranya mereka dapat memahami dan menghayati Islam dengan baik, secara tidak langsung tahap dan kualiti hidup mereka akan dapat ditingkatkan. Program peningkatan kualiti hidup bersepadu perlu digerakkan dan dilaksanakan kearah melahirkan masyarakat Orang Asli Muslim yang boleh mengamalkan Islam sebagai satu cara hidup (Abd Ghafar Don, 2014). Oleh yang demikian, keperihatinan dan komitmen dari semua pihak amatlah dituntut untuk berdakwah kepada komuniti ini bagi mencapai objektif untuk melahirkan masyarakat Orang Asli Muslim yang unggul dan berkualiti melalui kefahaman dan penghayatan Islam yang baik dan menyeluruh.

### 3.0 Metodologi Kajian

Kajian ini menjalankan metodologi kualitatif iaitu temu bual bersama lima orang yang terlibat secara langsung dengan perubatan Islam manakala kajian kuantitatif pula digunakan sebagai data sokongan dengan melibatkan 94 orang responden. Kajian ini menggabungkan dua metode kajian iaitu metode kualitatif dan kuantitatif. Oleh itu, kajian ini menjalankan reka bentuk deskriptif dengan menjadikan dapatan data kualitatif sebagai data primer manakala dapatan data kuantitatif pula dijadikan sebagai data sokongan. Hal ini demikian untuk menguatkan lagi hasil data yang didapati. Metode kualitatif dipilih kerana ia menggunakan pendekatan yang lebih sesuai untuk mendapatkan data kajian. Pengkaji menjalankan kaedah temu bual dan analisis dokumen melalui metode ini. Instrumen temu bual dibina dengan tema-tema yang bersesuaian berdasarkan objektif kajian. Ia juga telah melalui proses rintis daripada pakar bidang dan metode.

Melalui kajian secara deskriptif ini, pengkaji dapat mengenal pasti dan mendalami fenomena masyarakat Orang Asli terutamanya amalan dakwah dengan empirikal dan sistematik. Mohd Majid Konting (2005) menyatakan bahawa kajian deskriptif ini dilihat sesuai untuk menjelaskan suatu fenomena yang berlaku terutamanya dalam bidang yang kurang dijalankan kajian ke atasnya. Oleh itu, kajian berkenaan penguat Islam *ruqyah syariyyah* sebagai pendekatan dakwah sesuai dijalankan menggunakan proses deskriptif ini. Kajian ini dijalankan terhadap masyarakat Orang Asli yang tinggal di negeri Selangor dengan melibatkan daerah Kuala Langat, Hulu Langat dan Sepang. Pengkaji memutuskan untuk memilih perkampungan Orang Asli yang aktif dalam menjalankan program-program Islami seperti perkampungan Orang Asli Sungai Melut (Sepang), perkampungan Orang Asli Bukit Bangkong Kolam Air (Sepang), perkampungan Orang Asli Telok Tongkah (Kuala Langat), perkampungan Orang Asli

Bukit Kemandul (Kuala Langat), perkampungan Orang Asli Kuala Pangson (Hulu Langat) dan perkampungan Orang Asli Sungai Gabai (Hulu Langat). Pemilihan lokasi masyarakat Orang Asli ini juga dilihat berdasarkan keaktifan rawatan perubatan Islam dijalankan.

#### 4.0 Analisis Dapatan Kajian

Dapatan kajian bagi amalan dakwah dalam pengubatan Islam *ruqyah syariyyah* kepada masyarakat Orang Asli kebanyakan menunjukkan responden bersetuju dengan item 8 iaitu “Perawat selalu berpesan supaya bersabar dengan ujian hidup” dengan peratusan setuju sebanyak 94.7%. Namun begitu, peratusan yang paling rendah pula adalah item 6 iaitu “Saya dapat hadiah daripada perawat” iaitu 30.9% sahaja yang bersetuju, manakala 69.1% lagi tidak. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat Orang Asli menerima pesanan dan nasihat daripada perawat perubatan Islam dengan positif seperti yang dijelaskan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1 Amalan dakwah melalui pengubatan Islam *ruqyah syariyyah* kepada masyarakat Orang Asli

No.	Perkara	Ya (N/%)	Tidak (N/%)
1	Saya beramal dengan Pengubatan Islam Ruqyah Syariyyah.	77 (81.9%)	17 (18.1%)
2	Saya menyuruh ahli keluarga dan kawan-kawan supaya berubat dengan pengubatan Islam	83 (88.3%)	11 (11.7%)
3	Saya mendapatkan kaunseling daripada perawat ketika membuat rawatan Islam	84 (89.4%)	10 (10.6%)
4	Saya mengamalkan zikir-zikir yang diberikan oleh perawat	52 (55.4%)	42 (44.7%)
5	Perawat merawat saya secara percuma	83 (88.3%)	11 (11.7%)
6	Saya dapat hadiah daripada perawat	29 (30.9%)	65 (69.1%)
7	Perawat selalu memberikan kata-kata motivasi kepada saya untuk kuatkan diri	83 (88.3%)	11 (11.7%)
8	Perawat selalu berpesan supaya bersabar dengan ujian hidup	89 (94.7%)	5 (5.3%)
9	Perawat akan ceritakan tentang keindahan Islam sebelum memberikan rawatan kepada saya	71 (75.5%)	23 (24.5%)

Sumber: Soal selidik (2022)

Berikut adalah antara analisis dapatan kajian yang diperolehi melalui temu bual kepada informan kajian:

##### 4.1 Praktikal Dakwah

Dapatan analisis temubual pengamalan dakwah yang sesuai dan boleh dikaitkan dengan pengubatan Islam *ruqyah syariyyah* dalam kalangan masyarakat Orang Asli pula mendapati responden turut mengaitkan amalan-amalan yang sesuai yang boleh

diamalkan oleh masyarakat Orang Asli. Antaranya dari sudut ibadah dan akidah seperti solat, bacaan doa, zikir serta nasihat.

“Jaga solat, nak tidur malam baca, kita biasa baca kul huwallah, 3 qul kan, urut badan dan sebagainya, kita bagi yang ringkas yang dia boleh buat” (informan 1: 43:02).

“kita bawa ialah intipati daripada al-Quran, sunah nabi yang kita bawa ialah doa-doa daripada nabi, para sahabat, yang kita bawa ialah nasihat-nasihat ulama’ – ulama” (informan 2: 41:02).

“Selawat dan zikir jela kita bukan tuhan yang boleh beri kesembuhan , apa pun kita kembali kepada Allah taala.” (informan 3: 38:04)

“kita tunjukkan kesantunan kita pada mereka,aa.. dengan cara bawak sikit ja makanan,bawak sikit makanan sebagai buah tangan,sebagai tanda, tanda hubungan ataupun aa.. perkenalan” (informan 4: 30:03)

Analisis selanjutnya juga mendapati bahawa responden bersetuju bahawa pengubatan Islam ruqyah syariyyah sesuai sebagai alat dakwah dalam kalangan masyarakat Orang Asli kerana Islam merupakan agama yang baik dan sesuai diterima oleh manusia. Oleh itu, para pendakwah perlu mempunyai ilmu dan pengalaman agar dapat mengajar dengan baik kepada masyarakat Orang Asli.

#### 4.2 Kaunseling

Analisis temubual dari sudut bentuk kaunseling yang biasa digunakan oleh responden ketika sesi rawatan pengubatan Islam ruqyah syariyyah dari sudut kebersihan yang perlu dititikberatkan kepada wanita.

“Saya selalu ingatkan kepada kaum wanita Jagalah kebersihan dan dari segi semualah terutama selepas haid kena bersih betul , jangan buang merata.cuci bersih baru mandi kerana benda itu sangat suka kerana lazatnya bagi mereka walhal bagi kita benda tu kotor dan jijik kan” (informan 1: 42:01).

#### 4.3 Penjelasan Mengenai Perubatan Islam

Berdasarkan dapatan analisis temubual dari sudut penjelasan dan penerimaan masyarakat Orang Asli terhadap pengubatan Islam ruqyah syariyyah, responden menyatakan bahawa terdapat dua jenis manusia iaitu ada yang menerima dan ada yang tidak menerima ajaran Islam.

“dia boleh terima walaupun tak Islam tapi musuh yang saya maksudkan ni ialah musuh yang memang tak mahu langsung dengan Islam. Yang Islam dia terima tapi yang tak Islam ada yang menerima dan tak terima Islam” (informan 2: 49:01).

“masyarakat non – Muslim yang bukan Muslim dia nak mendekati Islam walaupun dia tak nak pon masuk Islam,tapi sekurang – kurangnya, sekurang – kurangnya dia nak ambil tahu, dia nak tahu apa, apa yang kelebihan ni ayat –

ayat ni sampai boleh berlaku kesembuhan dan mereka pon ada pendedahan pada masyarakat luar” (informan 3: 43:07).

#### 4.4 Kebajikan

Analisis temubual berkenaan bentuk kebajikan yang dibuat oleh responden kepada masyarakat Orang Asli di samping melaksanakan pengubatan Islam ruqyah syariyyah pula mendapati ada diantara responden mengikuti dan membuat program-program di kampung-kampung Orang Asli melalui PERKIM.

“kami menfokuskan di kampung Pantos, Kuala Lipis dan banyaklah, aa..program – program yang kita adakan, program susulan.Contohnya berkhatan, kemudian aktiviti korban, kemudian ziarah secara berkala di perkampungan Orang Asli” (informan 5: 23:01).

Manakala ada sebahagian besar responden pula mengatakan antara bentuk sumbangan kebajikan yang kerap di hulurkan kepa masyarakat Orang Asli adalah berbentuk kewangan dan hadiah sebagai sagu hati.

“Kita bagi duit dekat anak dia, seringgit dua.Biasalah Orang Asli ni,beras ka tak dak, macam saya pergi tu, macam malam – malam saya mengajar, saya cari nasi lemak, diaorang suka nasi lemak kan, saya belilah, bagi nasi lemak.Macam perubatan ni, aa.. perubatan ni mcm tu lah, tanya dia, kita bagi la apa yang ada sebagainya.Kalau anak – anak dia tu kita bagilah.Macam yang bersalin tu, yang ada sorang yang bersalin, bersalin anak lelaki, kita nak bagi hadiah kat dia lah” (informan 3: 48:09).

“Dari sumber kewangan lah, Setakat ni yang betul betul golongan tua 20 nama ja, dapatlah kadang 350 seorang 350, lepastu di waktu yang lain pulak, saya kecilkan sikit jumlah agihan tu, saya pecahkan kepada orang - orang muda pulak yang baru masuk Islam, maknanya semua merasalah, yang baru masuk Islam kadang bagi 200 kadang bagi 100.Barang – barang lain macam, aa..mereka selalu yang putus bekalan makanan macam bawang, ikan bilis, sabun.Setiap kali saya balik kadang bawak ayam 10 ekor, saya potonglah kecil – kecil, biar semua merasa” (informan 4: 43:02).

#### 4.5 Motivasi

Analisis selanjutnya berkenaan dengan motivasi yang diamalkan oleh responden ketika membuat rawatan pengubatan Islam ruqyah syariyyah pula mendapati bahawa responden mengamalkan dan menunjukkan ajaran Islam dengan baik kepada masyarakat Orang Asli.

“ Saya kata benda ni, orang kata apa aa.. tak akan selesai kita kena lah, pertama kena jaga solat kita, jaga aurat,jadi syaitan ni dia kan, dia suka cari kelemahan orang” (informan 1: 54:07).

“ Setiap pendakwah mesti ada kemahiran disamping untuk mad’u dan untuk kita sendiri supaya kita macam pergi ke dalam kampung yang pendalaman kan

jadi mesti ada orang cakapapa itu macam pendinding lah untuk kita sebagaihalangan dari segala gangguan” (informan 2: 52:01).

Manakala analisis bentuk motivasi yang diberikan kepada masyarakat Orang Asli pula responden selalu mengingatkan dan memberi nasihat berkenaan Islam.

“Selalulah mengingatkan mereka tentang agama dari segi ibadah,akidah dan sebagainya. Dan saya sendiri selepas beramal ni badan selalu rasa mencucuk dan kita kena jaga amalan supaya kita sentiasa terlindung sebab bila dah terlibat dengan semua ini kita akan diuji atau orang saja nak test” (informan 4: 49:02).

Dari sudut keberkesanan motivasi pula menunjukkan sikap positif penerimaan masyarakat Orang Asli.

“Tapi setakat ni mereka tak henti-henti meminta pertolongan dengan kita untuk kesihatan, keselamatan buat doa selamat” (informan 5: 35:03).

## 5.0 Perbincangan

Berdasarkan dapatan kajian, terdapat beberapa amalan dakwah yang dipraktikkan melalui pengubatan Islam ruqyah syariyyah kepada saudara baru Orang Asli. Antaranya adalah praktikal dakwah, kaunseling, penjelasan, kebajikan dan motivasi. Amalan-amalan seperti ini merupakan satu perkhidmatan pertolongan yang bukan sekadar hanya memberi bantuan kepada masyarakat Orang Asli tetapi dapat mengurangkan bebanan dan masalah yang mereka hadapi. Dapatan ini selari dengan Tengku Sarina et. al. (2006) yang menyatakan bahawa kesemua amalan dakwah adalah bertujuan untuk menolong individu, memberi bantuan, mencari punca dan cara penyelesaian. Malah, dalam melaksanakan ke semua amalan dakwah ini, sumber asas dan pendekatan teorinya juga mestilah bersandarkan kepada al-Quran dan al-Hadith.

Selain itu, teknik pendekatan yang bersesuaian ketika pengubatan juga mempunyai teknik pendekatan yang berasaskan kepada al-Quran, perkataan yang digunakan adalah betul dengan kebenaran, menggunakan dalil yang tepat dalam menerangkan kebenaran supaya dapat menghilangkan keraguan. Kata-kata nasihat yang baik iaitu mencegah diri daripada keburukan dengan cara memberi peransang untuk meninggalkan seperti untuk sembuh harus meninggalkan perkara larangan dalam Islam. Selain itu juga, perbincangan dan perbahasan yang baik dengan tujuan agar sasaran dapat memahami perkara amar makruf nahi mungkar dengan baik.

Menurut Atsco Abdur Rahman (2019), rawatan Islam sebagai asas amalan dakwah sangat memberi impak yang positif bagi perawat dan juga orang yang mendapatkan rawatan. Dengan cara sedemikian, pesakit lebih mendekatkan diri (taqarrub) kepada Allah SWT dan menjadi hamba yang lebih baik kerana telah mengikuti salah satu daripada sunnah baginda nabi Muhammad SAW di mana, kaedah *ruqyah syariyyah* ini berfungsi sebagai terapi rohani yang bersifat *al-wiqoyah* (mencegah) dan *al-'ilaj* (merawat) bagi setiap penyakit. Dalam masa yang sama juga, tambahan beliau lagi, perawat akan menyampaikan nasihat kepada pesakit untuk menjaga solat lima waktu, sentiasa membaca al-Quran, perbanyakkan beristighfar dan percaya kepada kekuasaan dan kehendak Allah SWT.

## 6.0 Kesimpulan

Kesimpulannya, implikasi daripada kajian amalan-amalan dakwah dalam pengubatan Islam *ruqyah syariyyah* kepada saudara baru Orang Asli membuktikan bahawa perubatan Islam boleh dijadikan alat dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat Orang Asli yang belum Islam. Melalui platform ini boleh dilaksanakan beberapa amalan-amalan dakwah yang sesuai untuk diterapkan ketika membuat rawatan dan berhadapan dengan pesakit. Satu perkara yang perlu diingat bahawa ketika pesakit datang mendapatkan rawatan maka beliau sudah bersedia mendengar dan menerima apa sahaja arahan yang diberikan oleh perawat. Oleh itu, dakwah yang diamalkan bersesuaian dengan keperluan pesakit akan menyebabkan dakwah yang disampaikan berkesan dan akan memberikan impak positif kepada masyarakat Orang Asli lebih-lebih lagi penerimaan mereka terhadap ajaran Islam.

## Rujukan

- Abdul Ghafar Don et. al. 2014. Masyarakat Orang Asli Muslim Malaysia: Senario dan Realiti Kefahaman dan Penghayatan Islam. Dlm. Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
- Abdulrahman Halim, Atsco. (2019). Dakwah Melalui Ruqyah (Studi Di Klinik Ruqyah Dan Bekam Syar'iyah Ustad H. Agus Aswadi Kota Bengkulu). Diss. IAIN Bengkulu.
- Badlihisam Mohd Nasir. 2012. Islam dan Dakwah Dalam Zaman Kebangkitan Awal Islam dan Era Penjajahan Barat di Tanah Melayu. Dlm. *Jurnal Islamiyyat*. 34: 5-12.
- Izzaty Ulya Munirah Abd Aziz & Zainab Ismail. 2018. Trait Personaliti Pendakwah Muslim: Satu Sorotan Literatur Al-Hikmah. Dlm. *AI-HIKMAH, Journal of Islamic Dakwah*. 10 (1): 34-54. Atas Talian: <https://spaj.ukm.my/jalhikmah/index.php/jalhikmah/article/view/258>.
- Kasim, Tengku Sarina Aini Tengku, & Faridah Che Husain. "Pendekatan kaunseling dalam dakwah bagi kesejahteraan insan dan peradaban Ummah." *Jurnal Usuluddin* 23 (2006): 199-216.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit, et. al. (2012). Communication of Orang Asli muallaf with their Malay counterparts. <http://spaj.ukm.my/jalhikmah/jalhikmah/index>.
- Zulkefli Aini, Abdul Ghafar Don, Ahmad Irdha Mokhtar, & Nur Uswah Ahmad Fauzi. (2018). Topik-Topik Komunikasi Dakwah Dalam Mesej Akidah Kepada Masyarakat Orang Asli di Selangor. *Jurnal Sains Insani*, 3(2), 15–21.